

Jangan layan tuntutan amah Indonesia

KUALA LUMPUR 3 Jun - Cadangan Indonesia yang mahukan gaji pembantu rumah Indonesia dinaikkan daripada RM700 kepada RM1,200 dilihat membebankan majikan kerana sesetengah daripada mereka berpendapat sederhana serta tidak mampu untuk membayar gaji amah tersebut.

Pensyarah Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Ma'ruf Redzuan berkata, adalah lebih baik sekiranya tawaran gaji RM1,200 diberikan kepada rakyat tempatan kerana jumlah ini memadai dan lumayan bagi mereka yang tinggal di kawasan desa.

"Daripada kita menggaji amah Indonesia dengan wang sejumlah RM1,200, adalah lebih baik sekiranya majikan tersebut memberi ruang kepada warga tempatan kerana hal ini bukan sahaja memberi jaminan keselamatan kepada rumah tangga keluarga tersebut malah akan mendatangkan kesan ekonomi untuk rakyat Malaysia itu sendiri.



HASMHAH ZAINUDDIN

"Dari sudut psikologikal, segala kerja buat yang dilakukan oleh pembantu rumah tempatan akan lebih terjamin kerana kita sendiri telah mengenali mereka apatah lagi jika pembantu rumah tersebut terdiri dari kalanjan saudara-mara, jiran dan kenalan terdekat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian susulan cadangan Timbalan Duta Besar Indonesia, Hermono yang mengesahkan negara itu telah menghantar kertas cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menambah baik syarat pembantu rumah antaranya menaikkan gaji kepada RM1,200.

Perkara itu turut dipersetujui Pensyarah Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM), Prof. Madya Datin Dr. Hasmah Zainuddin yang berpendapat kerajaan harus memberi pertimbangan kepada rakyat tempatan berbanding rakyat Indonesia dari sudut kenaikan gaji dalam mana-mana bidang pekerjaan.

"Kita lihat di negara luar seperti Arab Saudi, gaji rakyat mereka lebih tinggi berbanding rakyat luar tetapi di Malaysia, jika jumlah RM1,200 diberikan kepada amah Indonesia, ia sudah melebih taraf gaji minima rakyat Malaysia iaitu RM900 malahan lebih tinggi berbanding gaji-gaji pekerja kumpulan (D) dalam sektor awam di negara kita.

"Justeru, kemahiran pembantu rumah Indonesia tidak terlalu tinggi sekalipun telah dilatih selama berbulan-bulan dan sudah tentu tawaran sejumlah itu tidak berbaloi kerana kerja-kerja yang dilaksanakan tidak memberi kepuasan kepada majikan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan mana-mana pihak berkepentingan seperti Kementerian Sumber Manusia melatih rakyat tempatan mempelajari ilmu pengurusan rumah tangga supaya dengan kemahiran tersebut, ia dapat memberi peluang kepada mereka untuk bekerja dalam sektor ini serta selayaknya mendapat gaji sejumlah atau lebih dari RM1,200.

Menurutnya, bebanan juga terpaksa dipikul oleh majikan kerana sebelum ini, mereka telah pun membayar sekitar RM12,000 hingga RM15,000 kepada setiap ejen tersebut.